HUKUM MENYEDIAKAN KENDURI KEMATIAN

Penulis: Hasan Ahmad

Kandungan

Kata pengantar penyunting

Segala puji dan syukur kehadrat Ilahi Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Nabi s.a.w. dipanjatkan serta sahabatnya sekalian.

Tulisan ini merupakan artikel yang saya ambil daripada majalah pengasuh versi tulisan jawi yang saya perolehi daripada al-ahkam.net dalam bentuk PDF dengan tajuknya "HUKUM MENYEDIAKAN KENDURI KEMATIAN". Kemudian saya bercadang untuk mengubahnya atau mengalihkan kepada tulisan rumi di atas sebab lebih mudah dibaca oleh orang-orang awam yang tidak berapa fasih membaca tulisan jawi.

Setelah membaca artikel ini saya tertarik kerana hujah-hujah yang diberikan di dalam artikel ini sangatlah kuat dan amat rasional serta lengkap dengan kata-kata ulama daripada empat mazhab serta ulama-ulama nusantara dari kalangan mazhab syafi'i sehingga menyebabkan tidak ada kata dalih lagi untuk diberikan. Kenduri kematian hukumnya adalah bid'ah yang dikeji kerana ia adalah sebahagian daripada ratapan sebagaimana hadis daripada Jarir bin Abdullah *Radhiallahu 'anhu* katanya:

Maksudnya: "kami mengira berhimpun orang ramai kepada ahli si mati dan membuat makanan selepas pengkebumiannya adalah sebahagian dari ratapan

kematian. (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal dan Ibn Majah dengan isnad yang sahih)

Imam Syafi'i berkata dalam kitab induknya "Al-Umm":

"

"

Maksudnya: Aku suka jiran si mati atau orang yang mempunyai pertalian keluarga dengannya (keluarga jauh) memberi makan kepada ahli mayat, yang mengenyangkan mereka pada hari dan malamnya. Kerana itu adalah sunnat dan ingatan (zikir) yang mulia, dan ianya adalah perbuatan golongan yang baik-baik sebelum dan selepas kita. Ini kerana apabila tiba berita kematian Ja'far, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: "buatlah kamu makanan kepada keluarga Ja'far kerana telah datang perkara yang mengharukan kepada mereka".

Zaman kini sunnah Nabi sudah dilupakan iaitu memberi makanan kepada keluarga si mati oleh jiran-jiran tetangga, sebaliknya sunnah itu telah ditukar iaitu jiran-jiran serta kerabat pula berkumpul di rumah keluarga si mati kemudian mendapat makanan daripada keluarga si mati tersebut. Oleh sebab itu, usaha memurnikan semula

sunnah yang kian dilupai oleh masyarakat pada kebanyakannya adalah sangat perlu. Jika tidak selama-lamanya masyarakat tidak akan tahu yang manakah sunnah dan manakah yang bid'ah.

Berkenaan bid'ah terbahagi kepada dua iaitu bid'ah hasanah dan bid'ah dholalah, maka bukanlah di sini tempat perbincangannya. Akan tetapi, pointnya adalah kenduri arwah bukan bid'ah hasanah tetapi ianya adalah bid'ah yang dikeji serta bercanggah dengan sunnah Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*.

Semoga dengan tulisan ini memberi manfaat kepada mereka yang mahukan agama islam secara syumul dan menyeluruh, asli dan tulin serta terhindar dari penambahan-penambahan yang tidak sepatutnya dalam agama. Sebarang teguran kesilapan amat dialu-alukan. Wallahua'lam.

Mohd Safwan bin Rusydi
Email: safwanrusydi@yahoo.com
Penyunting

Muqaddimah

Sudah menjadi lumrah kepada orang melayu beragama islam ditanah air kita, apabila berlaku kematian dalam sesebuah keluarga, maka ahli keluarga si mati itu akan menyediakan makanan dan minuman.

Pada kebiasaannya, keluarga si mati akan memasak dan menyediakan nasi bungkus mengikut bilangan orang yang hadir bersembahyang jenazah atau mengikut jumlah orang yang terlibat memberi pertolongan mentajhizkan (menyediakan-ed.) mayat, termasuk penggali kubur dan sebagainya. Sebaik sahaja selesai sembahyang jenazah, nasi bungkus akan diedar dan dibahagi-bahagikan kepada setiap orang yang turun dari rumah.

Kemudian pada malam pertama hingga malam ketujuh diadakan majlis tahlil kepada roh si mati, dan sesudah majlis tahlil, keluarga si mati akan menghidangkan makanan dan minuman kepada jiran dan para jemaah yang hadir, sama ada jamuan ringgan atau jamuan berat mengikut kadar kemampuan masing-masing. Manakala pada malam ketiga, ketujuh, kedua puluh, keempat puluh, dan keseratus pula, pada kebiasaannya akan dihidangkan jamuan nasi dengan aneka masakan yang enak-enak. Kemudian, setiap malam jumaat selepas hari ketujuh hingga hari keempat puluh atau kadang-kadang sehingga hari keseratus, diadakan lagi majlis-majlis tahlil, dengan setiap lepas tahlil akan dihidangkan pelbagai hidangan dan masakan oleh ahli si mati.

Pendek kata, menjamu makanan dan minuman selepas kematian telah menjadi tugas yang terpaksa dilakukan oleh keluarga si mati, sama ada mereka terdiri dari orang kaya atau kurang berada. Kalau tidak dibuat, nescaya akan dicela oleh jiran tetangganya, kaum kerabatnya, dan sahabat handainya. Bukan setakat dicemuh, malahan keluarga si mati yang tidak menurut resam turun-temurun itu akan dipandang serong oleh masyarakat sekitar. Bermacam-macam tuduhan dan cemuhan dilemparkan kepada ahli si mati yang tidak mengikut adat tradisi itu. Umpamanya dikatakan kedekut, bakhil, tidak mengenang jasa si mati atau juga dikatakan seperti mengambus batang pisang dan sebagainya.

Itulah antara ungkapan ujaran yang menggambarkan kejinya sesiapa yang meninggalkan tradisi tersebut. Sebahagian besar dari kalangan umat islam menganggapnya dari ajaran islam yang penting yang tidak boleh diabaikan, kerana ianya turut dilakukan oleh orang-orang yang berpengetahuan agama, sama ada dari lepasan madrasah-madrasah pondok atau lepasan sekolah-sekolah arab/agama. Mana-mana individu yang mengkritik adat resam itu akan dicap atau dilebelkan sebagai kaum muda yang hendak merosakkan ajaran islam yang suci.

Walaubagai manapun, ada juga segolongan kecil ummat islam di negara kita yang berpendapat bahawa membuat dan menjamu makanan selepas kematian adalah bid'ah yang perlu ditinggalkan. Kerana ia tidak pernah dibuat atau dilakukan oleh Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan sahabatnya.

Kembali kepada Allah dan Rasul-Nya

Penyusun merasa terpanggil untuk mengambil bahagian dalam perbincangan masalah perselisihan yang tidak ada kesudahan ini, dengan harapan semoga masyarakat kita khususnya ‘alim ‘ulama dan bijak pandai islam dapat menilai siapakah yang sebenarnya dipihak yang hak dan siapakah yang berada dipihak yang kabur dalam masalah yang dinyatakan.

‘Ulama silam telah membentangkan kepada kita mengenai hukum sebenar membuat dan menjamu makanan kepada orang ramai selepas berlaku kematian. Antaranya ialah dengan cara membawa hadis-hadis yang menjelaskan secara khusus mengenai perkara ini:

1. Hadis yang dikeluarkan oleh Abu Daud, Tirmizi, dan Ibn Majah dari Abdullah bin Ja’far beliau berkata: apabila tiba berita kematian Ja’far (bin Abi Talib) nabi bersabda:

   Maksudnya: “Hendaklah kamu membuat makanan kepada ahli Ja’far (isteri-isteri dan anak-anak), sesungguhnya telah datang kepada mereka perkara yang mengharukan (menyedihkan-edt) mereka”.

   Dalam hadis di atas, Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* mengharapkan jiran tetangga yang tinggal

berhampiran dengan keluarga si mati agar membuat makanan kepada mereka yang ditimpah musibah dan dukacita kematian. Ja'far bin Abi Talib telah mati syahid dalam peperangan *Mu'tah* pada tahun kelapan hijrah. Sebaik-baik sahaja berita kematiannya sampai, nabi menyuruh jiran tetangganya melakukan perkara itu kepada ahlinya bagi meringankan beban dukacita ahli keluarga dengan memberi makan kepada mereka.

2. Hadis Jarir bin Abdullah *Radhiallahu 'anhu* katanya:

Maksudnya: "kami mengira berhimpun orang ramai kepada ahli si mati dan membuat makanan selepas pengkebumiannya adalah sebahagian dari ratapan kematian. (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal dan Ibn Majah dengan isnad yang sahih)

Hadis di atas menunjukkan kepada kita bahawa orang ramai yang berhimpun di rumah ahli si mati dan memakan makanan yang dimasak dan disediakan oleh ahli si mati adalah sebahagian dari perbuatan ratapan kematian. Dan ratapan selepas kematian adalah perbuatan jahiliah yang hukumnya adalah haram sebagaimana yang dimaklumi.

Ahli si mati tidak patut membuat makanan dan memberi makan atau menjamu orang lain, kerana perbuatan itu tidak disyariatkan. Dibawah ini diperturunkan pesanan beberapa ‘ulama besar lagi mujtahid:

1. Imam Al-Syafi’i menegaskan dalam kitabnya Al-Umm:

"

"

Maksudnya: Aku suka jiran si mati atau orang yang mempunyai pertalian keluarga dengannya (keluarga jauh) memberi makan kepada ahli mayat, yang mengenyangkan mereka pada hari dan malamnya. Kerana itu adalah sunnat dan ingatan (zikir) yang mulia, dan ianya adalah perbuatan golongan yang baik-baik sebelum dan selepas kita. Ini kerana apabila tiba berita kematian Ja’far, Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda: “buatlah kamu makanan kepada keluarga Ja’far kerana telah datang perkara yang mengharukan kepada mereka”.

Maksudnya: Aku benci diadakan *ma'tam* iaitu perhimpunan walaupun tidak ada ada tangisan kepada mereka, kerana sesungguhnya perbuatan itu memperbaharui dukacita dan membebankan tanggungan....[1])

2. Kata Imam Nawawi dalam kitab *Al-Majmu'*: telah berkata imam Al-Syafi'i dalam *Mukhtasar*: Aku suka kepada kaum kerabat si mati dan kepada jirannya yang membuat makanan kepada ahli si mati, yang mengenyangkan mereka pada hari dan malamnya. Sesungguhnya ia adalah sunnah yang dilakukan oleh golongan yang baik-baik. Kata sahabat kita ('ulama fiqh syafi'i): membuat pelawaan sungguh-sungguh supaya ahli si mati itu makan, walaupun mayat berada di negeri lain, juga disunnatkan kepada jiran keluarga si mati membuat makanan untuk mereka.[2]

3. Sohibus Syamil dan orang lain-lain berpendapat: Ahli si mati membuat makanan dan menghimpunkan orang ramai supaya makan, maka tidak ada sumber sedikit pun yang diriwayatkan, bahkan perbuatan itu bid'ah yang tidak disukai. Beliau membawa dalil dengan

[1] Ahmad Idris Al-Syafi'i, Al-Umm, Juz 1, halaman 278-279.
[2] Imam An-Nawawi, Al-Majmu' Syarah Al-Muhazzab, juz 5, halaman 286.

hadis Jarir bin Abdullah *Radhiallahu 'anhu* yang berkata: "*Kunna na'uddu al-ijtima'....*"

4. Syeikhul Islam Ibn Taimiyyah *Rahimahullah* berkata: Manakala ahli si mati membuat makanan dan memanggil orang ramai supaya memakannya, adalah perbuatan itu tidak disyari'atkan, bahkan ianya bid'ah berdasar kepada hadis Jarir bin Abdullah yang berkata: "Kami mengira perhimpunan orang ramai kepada ahli si mati dan membuat makanan untuk dijamu kepada orang ramai adalah sebahagian dari ratapan jahiliah".[3]

5. Di dalam kitab *Fiqh Sunnah* ada disebut: Disunnatkan membuat makanan kepada ahli si mati, kerana ianya dari perkara kebajikan taqrib (mendekatkan diri-ed.) kepada Allah dari jiran tetangga dan dari kaum kerabat (yang jauh). Imam Al-Syafi'i berkata: "Aku suka kaum kerabat si mati membuat dan memberi makanan kepada ahli si mati, yang boleh mengenyangkan mereka pada hari dan malamnya. Kerana ia adalah sunnah dan daripada perbuatan golongan yang baik-baik".

   Ulama mengatakan sunnat mempelawa sungguh-sungguh supaya ahli si mati memakan makanan yang diberikan itu supaya mereka tidak menjadi lemah lantaran tidak menjamah makanan disebabkan terlampau terkejut dengan peristiwa kematian atau

[3] Majmu' Fatawa Syeikhul Islam Ibn Taimiyyah, juz 24, halaman 316.

dengan sebab segan. Imam-imam telah bersepakat bahawa hukumnya adalah makruh bagi ahli si mati membuat makanan untuk dijamu kepada orang ramai yang berkumpul kepada ahli si mati, kerana perbuatan itu menambahkan lagi musibah ke atas mereka dan memperbanyakkan lagi kesibukkan di atas kesibukkan yang telah sedia ada, dan perbuatan itu tak ubah seperti kelakuan golongan jahiliyyah. Hajat ini berdasar kepada hadis Jarir bin Abdullah yang berkata: "Kami mengira perhimpunan orang ramai kepada ahli si mati dan membuat makanan makanan selepas pengkebumiannya adalah dari ratapan kematian".

Setengah 'ulama mengatakan hukumnya adalah haram bagi ahli si mati membuat makanan untuk dijamu kepada orang ramai.[4]

6. Di dalam kitab *Hukm al-Qiraat Li amwat* ada disebut: Antara bid'ah yang diharamkan ialah ahli si mati memberi makan kepada orang yang memberi takziah atau memberi makan kepada fakir miskin selepas mengiring jenazah dan pada hari khamis, hari ketiga, pada hari keempat puluh dan tahunan (haul). Yang sunnahnya ialah sahabat handai dan jiran tetangga memberi makan kepada ahli si mati kerana hadis nabi: "hendaklah kamu membuat makanan kepada ahli Ja'far kerana sesungguhnya telah datang perkara yang mengharukan mereka" (Diriwayatkan oleh Tirmizi

[4] Said Sabiq, Fiqh Al-Sunnah, juz 1, halaman 427-428.

dan selainnya dengan sanad yang sahih). Maka alangkah jauhnya perbezaan antara sunnah dengan bid'ah.[5]

7. Di dalam kitab *Ahkam Al-Janaiz wa Bid'aha* ada disebut, antara amalan bid'ah ialah:

   أ – Ahli si mati menerima dhif tetamu dengan memberi makan kepada mereka.

   ب – Menerima panggilan jamuan makanan daripada ahli si mati.[6]

---

[5] Muhammad Ahmad Abdul Salam, Hukm Al-Qiraat Li amwaat, halaman 25.

[6] Muhammad Nasiruddin Al-Albani, Ahkam Al-Janaiz Wa Bid'uha, halaman 256.

Sunnah membuat makanan untuk ahli si mati – Pendapat imam empat mazhab

Selepas kita mengikuti perbincangan dari ulama dan ulama mujtahid mengenai membuat dan menjamu makanan selepas kematian, atau dengan lain perkataan membuat kenduri jamuan makanan selepas kematian. Maka dapat difahamkan dari ulasan dan penerangan itu bahawa amatlah berbeza sekali apa yang diamalkan oleh kebanyakkan masyarakat islam kita pada hari ini, kerana amalan mereka membuat kenduri jamuan makan selepas kematian adalah bercanggah dengan sunnah nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dan sunnah sahabat-sahabat dan bertentangan dengan fatwa ulama. Oleh kerana perkara ini sangat tebal diamalkan dalam masyarakat islam melayu kita, maka penyusun merasa mustahak membentangkan pula kepada pembaca pandapat fuqaha dari empat imam mazhab sebagaimana berikut:

1. Mazhab Maliki

Disunnatkan kepada jiran dan seumpamanya menyediakan makanan kepada keluarga si mati kerana kesibukan mereka menghadapi kematian.

2. Mazhab Hanafi

Disunnatkan kepada jiran keluarga si mati dan kaum kerabatnya yang jauh menyediakan makanan untuk ahli si mati yang mengenyangkan mereka hari dan malamnya. Kerana sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi

wasallam: “Hendaklah kamu membuat makanan kepada ahli kemuarga Ja’far, kerana sesungguhnya telah datang kepada mereka perkara yang mengharukan mereka”. Oleh kerana memberi makan itu suatu perkara kebaikan dan makruf, maka dipelawa sungguh-sungguh kepada mereka supaya makan, kerana kesedihan telah menghalang mereka daripada makan makanan dan menyebabkan mereka menjadi lemah.

3. Mazhab Hanbali

Disunnatkan membuat makanan untuk ahli si mati dan dihantar makanan itu kepada mereka bagi memberi pertolongan dan melembutkan hati mereka. Boleh jadi mereka sibuk dengan ujian yang diterima, juga sibuk dengan kunjungan orang ramai yang datang menemui mereka, menyebabkan mereka tidak dapat menyediakan makanan untuk diri mereka sendiri. Diriwayatkan oleh Adu Daud dari Abdullah bin Ja’far, beliau berkata: “Apabila tiba berita kematian Ja’far (bin Abi Thalib), Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: “Hendaklah kamu membuat makanan kepada ahli Ja’far, sesungguhnya telah datang kepada mereka perkara yang mengharukan mereka”.

Diriwayatkan dari Abdullah bin Abu Bakar, beliau berkata: “Sentiasa sunnah nabi itu menjadi ikutan kami (sahabat nabi) sehingga ditinggalkan oleh manusia yang meninggalkannya (yakni sehingga sunnah itu ditinggalkan dan tidak diamalkan oleh kebanyakkan orang)”.

4. Mazhab Syafi'ie

Sebagaimana disebut dalam kitab al-Muhazzab oleh imam al-Syirazi[7], disunnatkan kepada kaum kerabat si mati dan jirannya membuat makanan kepada ahli si mati (isteri atau suami atau anak-anaknya), kerana diriwayatkan apabila Ja'far bin Abu Thalib terbunuh, nabi bersabda: "Hendaklah kamu membuat makanan kepada ahli Ja'far, sesungguhnya telah datang kepada mereka perkara yang mengharukan mereka". Imam Nawawi menyebut di dalam kitab al-Majmu', syarah kepada kitab al-Muhazzab, katanya: "Imam Syafi'i berkata di dalam kitab al-Mukhtasar: "Aku suka kepada kaum kerabat si mati dan jirannya membuat makanan untuk ahli si mati, yang mengenyangkan pada hari dan malamnya, kerana sesungguhnya perbuatan itu ialah sunnah yang diamalkan oleh golongan yang baik-baik".

Telah berkata ashab (sahabat-edt) kita (ulama fiqh syafi'i): Dipelawakan sungguh-sungguh kepada mereka (ahli si mati) supaya mereka makan, dan walaupun mayat itu berada di negeri lain sekalipun, adalah disunnatkan juga kepada jiran tetangga keluarga si mati membuat makanan untuk mereka.

Setelah kita mengikuti pendapat ulama di dalam empat mazhab mengenai membuat dan menyediakan makanan atau jamuan selepas kematian, maka kita dapati semua

[7] Abu Ishak Ibrahim al-Syirazi, wafat pada 476H bersamaan 1083M, beliau termasuk antara ulama yang agung dan mujtahid dalam mazhab syafi'i.

mazhab telah bersepakat kata bahawa hukumnya adalah sunnat bagi jiran tetangga dan kaum kerabat yang jauh membuat makanan kepada mereka, bukan mereka membuat makanan dan menjamu jiran dan orang ramai apabila berlaku sesuatu kematian seperti yang diamalkan oleh kebanyakan masyarakat kita pada hari ini.

<u>Makruh ahli si mati membuat makanan untuk dijamu kepada orang ramai – pendapat Imam empat mazhab</u>.

Sebagaimana telah dikatakan, adat resam ini telah menjadi amalan sebahagian besar masyarakat islam di negera kita. Malah ada sesetengah bijak pandai islam sendiri mempertahankan tradisi ini tanpa berpegang dengan dalil-dalil dan hujah-hujah yang kukuh.

Bagi memahami permasalahan ini, ada baiknya dibentangkan dahulu nas atau teks asal dalam bahasa arab oleh ulama dari empat mazhab kemudian diiringi dengan maksudnya dalam bahasa melayu.

- Pendapat Mazhab Maliki

Maksudnya: Perhimpunan orang ramai pada makanan di rumah si mati adalah bid'ah yang makruh, tidak ada sandaran riwayat yang boleh dipegang sedikit pun, dan ia bukan tempatnya yang sepatut dan ianya dicela[8].

- Mazhab Syafi'i

[8] Al-Syarah Al-Saghir Wa Hasyiah Al-Sohawi, Juz 1, halaman 199.

"

"

Maksudnya: Jika ahli si mati membuat makanan untuk orang ramai dan menghimpun mereka kepada makanan itu, maka ianya tidak ada sandaran riwayat yang boleh dipegang sedikit pun dan perbuatan itu bid’ah yang tidak disunnatkan. Berdalil dengan hadis Jarir bin Abdullah Radhiallahu ‘anhu: “Kami mengira perhimpunan kepada ahli si mati dan membuat makanan selepas pengkebumiannya adalah dari ratapan kematian”[9].

- Mazhab Hanbali

Maksudnya: Jika ahli si mati membuat makanan untuk dijamu kepada orang ramai, maka hukumnya makruh, kerana perbuatan itu menambahkan lagi ke atas musibah mereka dan memperbanyakkan lagi kesibukan

[9] Al-Majmu’ Syarah Al-Muhazzab, Juz 5, halaman 286.

ke atas kesibukan mereka yang sedia ada dan kelakuan itu seperti perbuatan golongan jahiliyah[10].

Tetapi dalam mazhab Hanbali ini ada pengecualiannya, iaitu jika terpaksa ahli si mati membuat makanan kepada orang yang datang dari perkampungan atau dari tempat-tempat yang jauh untuk menziarahi mayat, dan mereka terpaksa bermalam di rumah mereka (ahli si mati), maka tak dapat tidak ahli si mati terpaksa menerima mereka sebagai tetamu. Maka pada ketika itu hukumnya boleh memberi mereka makan.

- Mazhab Hanafi

.

:

.

Maksudnya: Hukumnya adalah makruh ahli si mati menerima tetamu dengan memberi makan kepada mereka, kerana yang demikian itu hanya disyara'kan (disyariatkan-edt) pada waktu gembira, bukan pada waktu tak baik (waktu sedih selepas kematian), dan ianya suatu bid'ah yang keji. Diriwayatkan oleh imam Ahmad bin Hanbal dan Ibn Majah dengan isnad yang

[10] Al-Mughni oleh Ibn Qudamah Al-Hanbali, Juz 2, halaman 550.

sahih dari Jarir bin Abdullah katanya: "Kami mengira perhimpunan kepada keluarga si mati dan mereka membuat makanan (untuk dijamu kepada orang yang berhimpun itu) adalah dari ratapan kematian".[11]

[11] Fath Al-Qadir Syarah Al-Hidayah, Fiqh Al-Hanafiah, Juz 1, halaman 473.

Hujah dari kitab-kitab Jawi

Selepas pembentangan pendapat ulama dari empat mazhab, penyusun bentangkan pula pendapat ulama kita dalam mazhab Syafi'i yang ditulis dalam bahasa melayu lama tulisan jawi. Ulama besar yang berkemampuan tinggi di dalam agama dan bahasa arab ini banyak mengarang kitab-kitab agama dalam bahasa melayu tulisan jawi. Kebanyakan kitab-kitab karangan mereka menjadi rujukan utama kepada penuntut-penuntut di madrasah-madrasah pondok pada zaman dahulu dan malah sehingga sekarang.

Kitab Furu'ul Masaail ( ):

Antara lain yang dijelaskan di dalam kitab ini ialah hukumnya makruh, dicela oleh syarak. Amalan yang dibuat oleh orang ramai apa yang dinamakan *kaffarah* ( ) dan *wahsyah*[12], iaitu berkumpul dan berhimpun serta memberi makan pada malam pertama selepas dikebumikan mayat, berhimpun dan memberi makan pada tujuh hari, empat puluh hari dan seumpamanya.

Teks atau nash aslinya berbunyi:

---

[12] Wahsyah (وحشة): Maksudnya apabila keluarga si mati terputus dengan orang yang dikasihinya, mereka merasai dukacita, kesunyian, kesepian, dan sebagainya. Lalu mereka berhimpun dan memberi makan kepada orang ramai seperti yang tersebut itu.

"Dan demikian lagi yang dikerjakan manusia dengan barang yang dinamakan dia dengan *kaffarah* dan daripada dikerjakan *wahsyah* yakni berhimpun memberi makan awal malam kemudian daripada ditanam mayat dan tujuh harinya dan dua puluh dan empat puluh dan umpamanya, yang demikian itu haramkah atau makruh atau harus. (Maka dijawabnya) Maka adalah segala yang tersebut makruh yang dicela pada syarak kerana tegah pada syarak kata syeikh Ibn Hajar tiada sah wasiatnya"[13].

Dari kitab Sabil Al-Muhtadin ( ) :

Ringkasan dari kitab ini adalah:-

1. Hukumnya bid'ah dan makruh jika dibuat kenduri makan selepas kematian dan dijemput orang ramai supaya memakan makanan itu sama ada jamuan itu diberi sebelum mayat itu dikebumikan atau selepas dikebumikan.
2. Juga hukumnya makruh dan bid'ah kepada sesiapa yang menerima jemputan itu dan menghadirinya.

Nash aslinya berbunyi:

"Dan makruh lagi bid'ah bagi yang kematian memperbuat makanan yang disukanya manusia atas makan dia dahulu daripada menanam dia dan

---

[13] Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fathani, Furu'il Masaail, Juz 1, halaman 183.

kemudian daripadanya seperti yang telah teradat dan demikian lagi makruh lagi bid'ah bagi segala mereka yang diserunya perkenankan seruannya"[14].

Dari kitab Kasyful Litsam ( ):

Ringkasnya dari kitab ini adalah:-

1. Hukumnya makruh, dicela oleh syarak, bila ahli si mati memberi makan kepada orang ramai sebelum atau selepas pengkebumian mayat.
2. Hukumnya makruh, dicela oleh syarak, membuat penyembelihan dikubur.
3. Hukumnya makruh, dicela oleh syarak, apa yang dinamakan *kaffarah* dan *wahsyah* iaitu berhimpun dengan memberi makan kepada orang ramai pada malam pertama selepas pengkebumian mayat, tujuh hari, dua puluh hari, empat puluh hari dan seumpamanya seperti yang tersebut.

Nash atau teks asalnya berbunyi:

"Barang dikerjakan oleh ahli mayat daripada mempersembahkan makanan dan perhimpunan manusia atas dahulu daripada tanam mayat dan kemudian lagi dikerjakan oleh manusia dengan barang yang dinamakan *kaffarah* dan daripada dikerjakan

[14] Syeikh Muhammad bin Abdullah Al-Banjari, Sabil Al-Muhtadin, Juz 2, halaman 83.

wahsyah yakni berhimpun memberi makan awal malam kemudian daripada ditanam mayat dan tujuh hari dan dua puluh hari dan empat puluh hari dan umpamanya yang demikian itu yang diperbuat oleh kebanyakan orang itu maka adalah segala yang tersebut itu makruh yang dicela oleh syarak kerana tegah pada syarak"[15].

Dari kitab Bughyat At-Thullab ( ):

Ringkasan dari kitab ini antara lain adalah:-

1. Sunnah kepada jiran ahli si mati, kepada kawan kenalan, keluarga si mati dan kaum kerabat yang jauh, membuat dan membawa makanan kepada ahli si mati yang boleh mengenyangkan mereka pada hari dan malamnya.
2. Hukumnya makruh dan bid'ah jika ahli si mati membuat makanan dan menjemput orang ramai apa yang dinamakan kaffarah dan wahsyah iaitu perhimpunan dengan memberi makan kepada orang ramai selepas pengkebumian mayat, tujuh hari, empat puluh hari dan seumpamanya seperti yang tersebut.
3. Asal sunnah memberi makan ialah memberi makan kepada ahli si mati, bukan keluarga si mati menjamu makan kepada orang lain, kerana sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam: "Buatlah kamu makanan

[15] Kasyful Litsaam, Juz 1, halaman 85.

kepada ahli Ja'far, sesungguhnya telah datang kepada mereka perkara yang mengharukan mereka".

Teks asal kitab ini berbunyi:

"Dan sunnah bagi jiran keluarga mayat dan orang yang berkenalan dengan keluarganya, jikalau bukan jirannya sekalipun dan segala kerabatnya yang jauh, membawa makan makanan akan orang yang kematian yang mengenyangkan mereka itu pada hari dan malamnya (serta) menyungguh-nyugguh akan mereka itu suruh mereka makan kerana mereka itu terkadang meninggal akan makan sebab sangat terkejut hati mereka itu....

Dan makruh lagi bid'ah bagi orang kematian memperbuat makanan menserukan (menyerukan) segala manusia atas memakan dia, sama ada dahulu daripada menanam dia dan kemudian daripadanya seperti yang telah diadatkan kebiasaan manusia. Demikian lagi makruh lagi bid'ah bagi segala orang yang diserukan dia memperkenankan seruannya.

Dan setengah daripada yang *qabihah* lagi makruh mengerjakan dia barang yang dikerjakan kebiasaan manusia barang dimakan dengan *kaffarah* dan *wahsyah* dan tujuh hari dan empat puluh dan umpamanya yang demikian itu......

Adapun asal sunnah mensediakan makanan itu pada barang yang dahulunya sabda Nabi s.a.w tatkala datang khabar kematian saidina Ja'far bin Abu Talib pada perang mu'tah, perbuat olehmu bagi keluaraga Ja'far makanan maka sesungguhnya telah datang akan mereka itu barang yang membimbangkan mereka itu[16].

Dari kitab Bahrul Maadzi ( ):

Ringkasan yang diambil dari kitab ini mengenai tajuk berkenaan antara antara lain seperti berikut:

1. Ahli si mati (isteri/ suami/ anak-anaknya) memasak makanan dan menghimpun orang ramai dan menjamu makanan kepada mereka, maka amalan itu tidak ada sedikit pun sandaran riwayat yang boleh dipegang dan diikuti daripada Nabi s.a.w dan dari sahabatnya.
2. Hukumnya bid'ah dan makruh jika ahli si mati memasak dan mengumpulkan orang ramai dan menjamu orang ramai dan menjamumakanan itu kepada mereka, kerana berpandu kepada hadis Jarir bin 'Abdullah katanya: "Kami mengira perhimpunan orang ramai kepada ahli si mati dan membuat makanan selepas pengebumian mayat adalah daripada perbuatan ratapan kematian".

[16] Syeikh Daud bin 'Abdullah Al-Fathani, Bughat At-Thullab, juz 2, halaman 33-34.

3. Sunnat kepada kaum kerabat si mati dan jiran tetangganya memasak atau membuat makanan dan diberi makan kepada ahli si mati yang boleh mengenyangkan mereka pada hari dan malamnya. Dan berkata Imam Syafi'i r.h: "Aku suka kepada kerabat si mati dan jiran tetangganya memasak makanan kepada ahli si mati yang mencukupi sehari semalam kerana ianya sunnah dan perbuatan golongan yang baik-baik[17].

[17] Bahrul Maadzi, juz 7, halaman 129-130.

Kesimpulan

Adat kebiasaan menjemput, menghimpun orang ramai dan memberi makan kepada mereka oleh ahli si mati sebelum atau selepas pengkebumian mayat telah menjadi agenda utama kepada sebahagian masyarakat kita selepas berlaku kematian. Adat seperti ini perlu dihapuskan dengan segera supaya tidak bertapak lagi, kerana ia bertentangan dengan sunnah Rasulullah s.a.w dan sunnah sahabatnya *'Alaihi Al-Solatu wa as-Salam*.

Setengah rakan-rakan kita yang tidak peka dengan sunnah Nabi s.a.w sanggup mendakwa bahawa masalah ini adalah termasuk yang remeh dan tidak penting. Persoalannya ialah apakah perbelanjaan yang melibatkan beratus, malahan beribu ringgit kepada tempat yang bid'ah dan makruh itu termasuk perkara yang remeh-temeh?

Semua ajaran islam adalah penting dan memberikan mizan di akhirat nanti. Oleh itu, hendaklah kita masuk kedalam ajaran islam semuanya tanpa menerima separuh dan menolak sparuh yang lain.

'Ulama silam telah bersepekat kata, termasuk ahli fuqaha' dari empat mazhab, bahawa:

1. Makruh dan bid'ah apabila ahli si mati memasak dan menjamu makanan kepada orang ramai yang berhimpun di rumah mereka.
2. Sunnat dan digalakkan kepada jiran tetangga kepada kaum kerabat si mati memasak dan memberi makan

kepada ahli si mati bukan mereka (ahli si mati) yang menjamu makanan kepada jiran dan orang ramai.

3. Perhimpunan kenduri memberi makan pada malam pertama selepas kematian, tujuh hari, dua puluh hari, empat puluh hari, dan seumpamanya, semuanya itu hukumnya makruh dan dicela oleh syarak. Amalan dan perbuatan dinamakan "*kaffarah* dan *wahsyah*".

Setakat pembacaan penyusun dalam tajuk ini, tidak ditemui seorang ulama pun yang mengatakan hukumnya sunnat bagi ahli si mati memberi makan kepada orang ramai selepas berlaku kematian sebagaimana yang telah teradat dalam masyarakat kita, bahkan semuanya mengatakan bid'ah dan makruh, termasuk ulama-ulama besar dari mazhab syafi'i seperti Imam Nawawi, Imam Syirazi, Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fathani, Syeikh Muhammad bin Abdullah Al-Banjari dan lain-lain lagi.

Kita merasa aneh dan hairan apabila dituduh dan dicapkan kaum muda ke atas orang yang menyebarkan pendapat-pendapat *kibar al-'ulama* (ulama aqung) silam, termasuk ulama-ulama mujtahidin dari empat mazhab yang mengatakan bid'ah dan makruh apabila ahli si mati berhimpun dan memberi makan kepada orang ramai dan juga mengatakan bid'ah dan makruh bagi mereka yang menyahut seruan dan panggilannya.

Soalannya, siapakah yang sebenarnya siapakah sebenarnya yang didakwa sebagai kaum muda? Adakah mereka yang mempertahankan pendapat dari ulama-ulama tersebut? Atau adakah kaum muda yang sebenarnya ialah

mereka yang mempertahankan adat istiadat itu dan membelakangkan pendapat ulama-ulama berkenaan tanpa berpegang kepada dalil-dalil yang benar dan kukuh.

Imam Ishak Ibrahim Al-Syirazi umpamanya (wafat pada tahun 477 H bersamaan 1083 M), demikian juga kibar al-'ulama yang lain termasuk Syeikh daud Abdullah Al-Fatthani, dan Syeikh Muhammad bin Abdullah Al-Banjari, Semuanya hidup pada zaman lampau. Oleh itu, tidak masuk akal kalau mereka dilebelkan kaum muda atas alasan sesetengah hukum yang dikeluarkan oleh mereka itu berlawanan dengan kehendak dan adat masyarakat islam.

Ada juga diantara pensyarah-pensyarah agama dan pendakwah-pendakwah yang membela adat istiadat seperti itu dan mendakwa hukumnya adalah sunnat bagi keluarga si mati membuat kenduri kepada roh si mati dengan memberi makan kepada orang ramai selepas majlis tahlil diadakan. Mereka bukan sahaja menggalakkan masyarakat islam supaya meneruskan amalan tersebut, malahan juga menuduh mana-mana pihak yang mendedahkan hukum sebenar masalah itu sebagai orang yang berjalan tanpa haluan dan arah atau sebagai orang orang yang tidak mempunyai ilmu yang cukup.

Adapun diantara mereka yang mengatakan bahawa masalah sudah selesai kerana ia telah dijawab oleh Tok Guru itu dan Pak Lebai ini dan bermacam-macam lagi kata-kata yang memberi sokongan kearah menggalakkan tradisi dan adat berkenaan. Jawapannya kami bukan mengeluarkan fatwa dan menciptakan hukum baru, tetapi kami hanya

memaparkan dan mendedahkan ketetapan hukum yang telah diputuskan oleh *kibar al-'ulama* dan 'ulama mujtahidin mengenai bid'ah dan makruh apabila ahli si mati berhimpun dan memberi makan kepada orang ramai selepas kematian.

Pada hemat kami, kalau dibandingkan ilmu antara kami dengan Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatthani pun jaraknya berbatu-batu. Sebab itulah kami berpegang teguh dengan ketetapan hukum yang telah ditetapkan oleh mereka itu. Kerana kami yakin mereka mempunyai ilmu yang melaut luas. Dengan dalil-dalil dan hujah-hujah yang dibentangkan oleh mereka amat teguh dan tidak dapat dipertikaikan.

Apakah mereka yang masih berpegang dengan adat istiadat mempunyai dalil-dalil yang tidak dijumpai oleh ulama mujtahidin itu? Adakah hujah yang dipegang oleh mereka lebih kuat daripada hujah yang dipegang oleh ulama mujtahidin?

Sanggupkah kita membatalkan hukum bid'ah dan makruh yang ditetapkan oleh mereka untuk diganti dengan hukum sunnat, sedangkan kita tidak mempunyai dalil-dalil yang kukuh. Keputusan oleh ulama mujtahidin bukan boleh dijawab dengan sewenang-wenang seperti jawapan yang kita kemukakan kepada rakan sebaya kita. Kita tidak boleh menolak keputusan mereka itu dengan sebarang alasan sahaja, kerana selain dari dalil-dalil naqli yang telah telah disebut itu, ulama mujtahidin banyak mengemukakan

kepada kita dalil-dalil aqli yang sangat munasabah dan logik antaranya:

1. Menghimpun orang ramai dan memberi makan kepada mereka oleh ahli si mati adalah tidak pada tempatnya yang layak dan munasabah dan ianya dicela oleh syarak.
2. Ahli si mati membuat makanan untuk diberi makan kepada orang ramai menambahkan lagi musibah mereka dan memperbanyakkan lagi kesibukan mereka yang telah sedia ada dan perbuatan itu seperti kelakuan golongan jahiliyah.
3. Hukumnya makruh dan bid'ah yang buruk apabila si ahli mati menerima tetamu dengan memberi makan kepada mereka, kerana penerimaan tetamu dengan memberi makan hanya disyara'kan (disyariatkan-edt) semasa dalam kegembiraan, bukan semasa bermuram dan bersedih, kecuali jika tetamu itu datang dari tempat yang jauh dan terpaksa bermalam dirumah keluarga si mati untuk menziarahi mayat. Ketika itu sahaja boleh memberi makan.

Cadangan:

1. Apabila berlaku suatu kematian di dalam keluarga umat islam disarankan supaya mengelak dari terikut-ikut dengan adat kebiasaan memasak dan memberi makan kepada orang ramai, sama ada sebelum atau selepas pengebumian mayat.

2. Hendaklah menjauhkan diri dari melakukan amalan yang dinamakan *kaffarah* dan *wahsyah* iaitu berhimpun untuk memberi makan kepada orang ramai pada malam pertama selepas pengkebumian mayat, tujuh hari, dua puluh hari, empat puluh hari, dan seumpamanya.

3. Diharap mendapat kerjasama umat islam dari semua pihak terutama dari bijak pandai islam, bagi menghapuskan unsur-unsur bid'ah tersebut.

4. Dicadangkan segala derma takziah yang diterima oleh keluarga si mati diinfak atau dibelanjakan pada sedekah-sedekah jariah untuk roh si mati seperti membina masjid, membangunkan sekolah-sekolah pendidikan islam, pusat-pusat tahfiz Al-Quran dan sebagainya. Derma takziah itu juga boleh disumbangkan kepada segala jenis "Fi Sabilillah".

5. Dicadangkan kepada masyarakat islam disemua peringkat agar dapat menukarkan bid'ah itu dengan Al-Sunnah dari Nabi dan sahabat, iaitu jiran, kaum kerabat yang jauh dan sahabat handai kepada ahli si mati supaya memasak atau membuat makanan dan diberi makan kepada ahli si mati yang boleh mengenyangkan mereka.